

Ordinan Darurat tidak sekat kebebasan media

Kuantan: Kerajaan menafikan tuduhan bahawa penguatkuasaan Ordinan Darurat Kuasa-Kuasa Perlu (No 2) 2021 bagi menangani berita palsu berkaitan COVID-19 dan Proklamasi Darurat akan menyekat kebebasan bersuara dan media.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata tuduhan itu adalah tidak benar sama sekali kerana ordinan berkenaan hanya merujuk kepada berita palsu berkaitan COVID-19 dan Proklamasi Darurat.

Justeru, katanya, kerajaan akan membezakan antara kritikan kepada kerajaan dan penyebaran berita palsu COVID-19 dan Proklamasi Darurat sebelum mengambil tindakan.

“Oleh itu, saya ingin jelaskan ordinan ini bukan menyekat kebebasan bersuara dan media kerana ia merujuk kepada berita palsu dalam dua isu, iaitu COVID-19 dan Proklamasi Darurat.

“Tindakan yang akan diambil hanya terhadap individu yang me-

nyebarkan berita palsu berkaitan dua perkara itu sahaja,” katanya pada majlis penyerahan sumbangan tablet kepada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah kawasan Parlimen Indera Mahkota di Dewan Atabara, Indera Mahkota, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai kerajaan menerima banyak kritikan berhubung penguatkuasaan ordinan yang dikuat kuasakan, kelmarin.

Pada majlis itu, 200 pelajar daripada golongan B40 menerima tablet bagi sesi pembelajaran terutama pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Saifuddin berkata, penguatkuasaan ordinan itu bagi membendung penularan berita palsu mengenai COVID-19 dan Proklamasi Darurat demi ketenteraman dan kepentingan awam.

“Penguatkuasaan ordinan ini dipertanggungjawabkan kepada pegawai polis dan pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM),” katanya.